



BICARA TOKOH

Hj. Ahmad Azam

SEKOLAH PERJUANGAN & PEMBENTUKAN GENERASI KHAYRA UMMAH

1. Sekolah ABIM telah mencapai usia 30 tahun, telahpun melahirkan good citizen, melahirkan anak-anak yang baik, pekerja yang baik. Namun, kejayaan sekolah belum mencukupi sekiranya kita belum berjaya mengeluarkan mujahid dakwah, pejuang Islam yang berjuang di pelbagai bidang untuk memastikan bahawa Islam *yaalu wa yukla alaih*. Kalau tidak mampu melahirkan pejuang umat, sekolah kita tidak ada bezanya dengan sekolah yang lain.
2. Tahniah kerana YTP telah mula memberi fokus kepada sekolah perjuangan. Uniknya sekolah ABIM adalah elemen perjuangan.
3. Kita sudah buktikan tanpa ada sekolah secara formal dan kurikulum yang formal, hanya ada kurikulum usrah, madrasah ABIM sudah mengeluarkan pejuang-pejuang Islam bertaraf dunia, sudah melahirkan tokoh-tokoh yang mampu mengubah sosio-politik dan ekonomi negara dalam tempoh 10 tahun. Islam yang dahulunya dipinggiran telah diletakkan sebagai sentral dalam urus tadbir negara dengan ditandai oleh kemasukan Anwar Ibrahim dalam kerajaan.
4. Akhirnya pendiri ABIM mengambil keputusan untuk menginstitusikan pendidikan dengan asas perjuangan ABIM, sebagaimana berikut;
 - Islam sebagai Addin - Islam dalam sistem kehidupan yang menyeluruh
 - Fikrah Manhaj Malayzie – keserasian dalam menangani isu kemajmukan masyarakatnya melalui pendekatan Islam Rahmatan Lil 'Alamin.
 - Pendekatan Harakah Islamiah dalam pembinaan generasi Rabbaniy melalui;
 - Usrah - wahdatul Qalb
 - Tamrin – Wahdatul Fikr
 - Muktamar - wahdatul Amal
 - Pendekatan Ummatik – Konsep kita satu umat; umat Islam satu dunia bersaudara [ABIM menyantuni isu umat : Pejuang Palestine, Kashmir, Islam Moro, Afghanistan, Bosnia, pelarian Vietnam, Rohingya, Uighur]
5. Sekolah perjuangan ABIM hendak memperjuangkan apa?
 - Dunia Islam tanpa Khalifah – kejatuhan Khalifah Othmaniah menjadi mala petaka kepada dunia Islam yang bercempera sehingga ke abad ini.
 - Menguasai dunia melalui pelbagai bidang dalam usaha kita untuk memenangi akhirat.
6. Imam Badi'uzaman Said Nusi menegaskan bahawa umat Islam memiliki 3 penyakit berpanjangan;
 - Kajahilan – umat Islam hanya menumpukan soal ibadah semata-mata tanpa berusaha untuk mengembalikan tamadun dan keagungan Islam
 - Kemiskinan – selain miskin ekonomi, kita memiliki penyakit miskin jiwa (jiwa hamba).
 - Perpecahan - pepecahan yang dirancang selepas terlibat dengan penjajahan
7. Bagaimana kita perlu bangkit?
 - Madrasah ABIM yang telah berjaya melahirkan tokoh intelektual dan pembangunan bertaraf dunia perlu diteruskan melalui sistem persekolahan dengan meletakkan perjuangan sebagai terasnya.
 - Kebangkitan umat mesti melalui pendekatan wawasan ummatik dengan memberi penekanan kepada usaha melahirkan khalifah Allah terbaik selain hamba Allah terbaik. Anak didik ABIM mesti menguasai sains teknologi, digital media dan ilmu-ilmu alat untuk menguasai dunia.
 - Wawasan pembebasan dari penjajahan dalam kalangan anak-anak didik ABIM. Meletakkan wawasan untuk menjadi pemain global. Satu wawasan yang mesti kita wariskan kepada generasi penerus.
8. Ibrah al-Quran dan sirah kekhalifahan; Anak-anak didik ABIM mesti dipersiapkan diri mereka dengan jamaah dakwah
 - Persoalan hablum minallah tidak ada pengecualian di samping hamblum minannas
 - Amal makrf nahi mungkar. Bersedia mengharungi risiko dalam memperjuangkan dakwah; berani menyuarakan yang hak dan tidak takut dengan tekanan atau ancaman.

bersambung ke mukasurat 2

Dari Meja Editor

CABARAN PEMBELAJARAN ATAS TALIAN

Pembelajaran atas talian menjadi suatu yang tidak asing lagi buat masa kini semenjak wabak Covid-19 melanda dunia. Hal ini telah menyebabkan guru dan murid secara drastik perlu mengubah kaedah Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPC) dengan melakukannya secara atas talian. Pembelajaran atas talian boleh didefinisikan sebagai proses penyampaian ilmu yang dijalankan menerusi platform digital seperti Google Meet, Zoom, WhatsApp, Telegram dan sebagainya.

Platform untuk menjalankan pembelajaran menerusi atas talian adalah banyak, namun untuk melaksanakannya tidak semudah seperti yang disangka kerana terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi di antaranya:

1. Ketiadaan Peranti Ketika Pembelajaran.

Sejak Kerajaan mengistiharkan penutupan sekolah disebabkan Covid-19, pembelajaran dilakukan menerusi atas talian, ramai ibu bapa yang mula resah. Tidak semua ibu bapa berkemampuan membeli peranti untuk semua anak yang bersekolah. Oleh itu anak-anak mereka perlu berkongsi peranti secara bergilir-gilir untuk menyertai kelas dalam talian. Ini menjadi antara cabaran terbesar pembelajaran atas talian sepanjang tempoh PKP kerana ia menyebabkan ada pelajar ketinggalan dalam pembelajaran. Oleh itu pihak Kerajaan, badan-badan korporat dan individu para dermawan boleh membantu pelajar yang kurang berkemampuan untuk memiliki peranti.

2. Kemudahan untuk mendapat liputan internet.

Pembelajaran menerusi talian memerlukan liputan internet yang kuat. Bagi kawasan yang liputan internet tidak kuat, sudah tentu mengganggu kelancaran proses pembelajaran. Bagi kawasan pendalaman yang tiada liputan langsung, sudah tentu pelajar tidak dapat mengikuti pembelajaran sama sekali.

3. Persekuturan yang kurang kondusif

Cabaran ini dihadapi oleh keluarga yang tidak mempunyai bilik yang mencukupi dan terpaksa berkongsi bilik bersama adik beradik yang lain. Ini menyebabkan pelajar tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya semasa pembelajaran atas talian berjalan.

4. Tahap kemahiran guru dalam penggunaan teknologi

Tidak semua warga pendidik mempunyai kemahiran yang tinggi dalam penggunaan teknologi digital kerana ada dalam kalangan mereka sudah berusia dan tidak terdedah dengan teknologi digital masa kini. Mereka perlu diberi latihan yang mencukupi terutama kepada para guru yang kurang kemahiran dengan aplikasi dalam talian supaya mereka mampu menyediakan bahan mengajar yang menarik perhatian pelajar. Dalam hal ini pihak YTP telah dan sedang mengadakan beberapa siri kursus dan latihan kepada semua guru sekolah-sekolah di bawah YTP.

5. Sikap pelajar ketika sesi pembelajaran.

Tidak dinafikan ketika pembelajaran bersemuka, ada sesetengah pelajar yang tidak memberi tumpuan ketika guru mengajar, inikan pula ketika pembelajaran atas talian. Ada segelintir pelajar yang menyertai kelas atas talian seperti Google Meet atau Zoom sekadar untuk memenuhi jumlah kehadiran tetapi hakikatnya mereka membuat kerja-kerja lain yang tidak berkaitan di sebalik kemera yang sengaja dimatikan.

Kesimpulannya, semua pihak sama ada pihak Kerajaan, guru, pelajar atau ibu bapa mestilah bekerjasama dalam mengatasi semua masalah agar pembelajaran atas talian menjadi satu kaedah yang berkesan dalam menyampaikan ilmu dan tiada pelajar yang ketinggalan dalam pelajaran.

- Terlibat dengan semua program ABIM. Menyertai ABIM bukan pilihan, perlu bergerak dalam satu kekuatan termasuk gurunya.
 - Mercutanda anak-anak sekolah ABIM adalah pemahaman al-Quran
9. Membina generasi Khayra ummah melalui 7 formula al-Fateh.
- Wawasan Ummatik - membina fikrah ummatik
 - Semangat jihad dan keberanian – keberanian merupakan persoalan penting orang beriman
 - Pendidikan Adab – Adab kepada Allah, Rasul, ibu bapa, guru-guru dan menyuburkan ukhuwah (generasi kini adalah matarantai perjuangan generasi awal)
 - Penghayatan al-Qur'an – Tilawah, tadabbur, tafakkur, tafahum. Taathur – persoalan penghayatan
 - Kekuatan keimanan – pembinaan kekuatan jiwa melalui al-Quran, tahajud, zikir
 - Penguasaan ilmu strategik – generasi masa depan banyak bergantung kepada komunikasi internet, perlu menguasai benar-benar dalam dunia digital, software designer dan network security dan dunia maya yang lain.
 - Penguasaan pelbagai bahasa – melahirkan pemimpin yang memiliki kualiti diri khususnya bahasa.
10. Apakah wawasan yang perlu dibangunkan pada peringkat YTP? Apakah hanya mampu melahirkan orang-orang yang baik sahaja atau pekerja yang baik tetapi tidak memiliki wawasan ummatik; fokus pendidikan di sekolah ABIM hendaklah ke arah membina pemimpin bersasar.
- 20 orang pemimpin bertaraf global dalam tempoh 20 tahun rancang dan kenal pasti
 - 40 orang pemimpin bertaraf Regional; kena melahirkan pemimpin bertaraf global yang menguasai latar sejarah tempatan
 - 100 pemimpin bertaraf nasional dalam pelbagai bidang; sains dan teknologi, pentadbiran, pendidikan, pertanian, politik
11. Sekolah perjuangan mesti berbeza dengan sekolah swasta biasa atau sekolah kerajaan;
- Outcome pendidikan ABIM mesti melahirkan pemimpin pelbagai bidang
 - Memiliki wawasan ummatik dan perancangan jangka panjang
 - Melaksanakan misi Tahrir; membebaskan diri anak-anak dari minda penjajah.

Hj. Samian Mohd Ali

Laporan : Khailani A. Jalil

PERUTUSAN HARI GURU

Oleh Radin Muhd Imaduddin Radin Abdul Halim
Pengerusi Yayasan Takmir Pendidikan

Selamat Hari Guru kepada semua guru dan pendidik di seluruh Malaysia.

Para pendidik seluruh institusi pendidikan ABIM yang dikasih,

Pada setiap 16 Mei, kita memanjatkan kesyukuran kerana pada tanggal ini, kita meraikan Hari Guru, yang pada tahun ini, jatuh pada 4 Syawal 1442H. Atas kesempatan ini, saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin, kullu 'am, wa antum bikhair, taqabballahu minna wa minkum.

Semoga Allah menerima amalan kita semua sepanjang Ramadan yang lalu.

Saudara-saudari rakan guru sekalian,

Sehingga kini, negara masih dibelenggu dengan hentakan covid-19 yang memberikan ujian besar kepada kita semua, khususnya dalam konteks norma baharu persekolahan. Antara yang paling merubah landskap persekolahan adalah peristiwa buka-tutup sekolah dan amalan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).



Berdasarkan penutupan sekolah sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kali pertama, iaitu 18 Mac 2020 sehingga setahun kemudiannya, iaitu 18 Mac 2021, menurut UNESCO, tempoh sekolah-sekolah di Malaysia ditutup dianggarkan dalam 35 minggu, iaitu kira-kira 175 hari.

Gangguan yang terhasil akibat hentaman covid-19 amat besar. Ibu bapa kehilangan sumber ekonomi keluarga, lantas terpaksa memberhentikan anak-anak daripada persekolahan alternatif. Ramai juga yang tercincir daripada pembelajaran. Malah, cabaran melaksanakan PdPR juga berbeza-beza kualitinya, sedangkan ini merupakan tugas hakiki kita dalam menyediakan khidmat persekolahan. Ada institusi yang pantas mengadaptasi perubahan ini, ada juga yang masih terus terbukam dengan segala cabaran seperti talian internet yang tidak memuaskan, peranti yang serba kekurangan, kemahiran cybergogi yang serba ketidaktahuhan, dan komitmen penjadualan yang begitu berbeza dengan ketika PdP secara bersemuka.

Namun, setelah memasuki tahun kedua serangan covid-19 yang tidak menunjukkan tanda semakin surut, kita sewajarnya telah belajar dan mengambil iktibar daripada pengalaman setahun yang lalu. Pengalaman itu menjadi guru yang maha penting untuk kita bergerak ke hadapan dengan lebih berani. Data ini kadangkala memerlukan untuk kita terima, namun lebih utama adalah bagaimana untuk bangkit kembali dan belajar dari pengalaman.

Saudaraku rakan guru sekalian,

Atas latar yang masih terkait dengan norma baharu pendidikan, kita perlu teruskan cermati bahawa tugas guru bukan sahaja membina kesedaran masa lalu, tetapi juga mengemudi perubahan untuk bangun kembali dan bersedia dengan pelbagai kemungkinan masa hadapan.

Pada tahun ini, tema Hari Guru masih serupa seperti tahun lepas, 'Berguru Demi Ilmu, Membina Generasi Baharu'. Pentingnya sosok guru itu, bukan sahaja sebagai penyampai maklumat, malah jauh dari itu sebagai murabbi, penggerak kebangkitan Islam dan pencerah ummah. Oleh itu, sosok sebagai guru amat berperanan dalam menggarap hikmah.

Maka, kehidupan guru itu sebagai suatu profesion, perlukan kitaran pembelajaran kepada dirinya sendiri, demi ilmu sepanjang hayat kehidupannya; tidak terhenti hanya di pagar sekolah. Guru ini sosok yang sedia belajar (learn), sedia belajar semula (relearn), dan pada keadaan tertentu, unlearn apa yang pernah dipelajari sebelum ini yang sudah tidak lagi sesuai atau tidak tepat.

Izzah seorang guru adalah apabila punya rasa empati yang tinggi dan relevan kepada muridnya, rasa tanggungjawab dan akauntabiliti kepada institusi pendidikannya, rasa kebersamaan kepada rakan setugasnya, dan dalam konteks jemaah, perlu ada jiwa amal jamaiyah dalam fikrah yang sama. Bersempena dengan ingatan Hari Guru pada tahun ini, Saya, bagi pihak Yayasan Takmir Pendidikan dan kepimpinan jemaah WADAH-ABIM-PKPIM mendoakan agar semua guru terus dikurniakan kekuatan dan ketabahan dalam menempuh hari-hari persekolahan yang mendatang.

Marilah kita bersama-sama melangkah ke hadapan dengan penuh keberanian, kesepakatan, berstrategik dan penuh tekad. Kepada Allah kita panjatkan doa dan berserah.

Allahu Akbar.. Allahu Akbar... Allahu Akbar... Walillahilhamd

Selamat Hari Guru
Terima kasih cikgu
16 Mei 2021



PROGRAM ISLAH SEKOLAH - SIRI 1

Oleh Tuan Haji Musleh Yunos

LATAR BELAKANG

Institusi Pendidikan ABIM ditubuhkan bagi mendokong misi membentuk generasi kyra Ummah dan Ummatan Wasatan. Usaha ini telah berjaya melahirkan ramai ilmuan dan modal insan penting dalam pelbagai bidang kerjaya di negara ini. Untuk terus memacu misi unggul, lestari dan lebih berdaya saing, khususnya bagi menjamin keberhasilan murid, sekolah perlu diislahkan bagi memberi momentum baru untuk penambahbaikan dan perubahan lebih positif. Dunia pendidikan terus berkembang pantas dengan pelbagai naratif baru yang memerlukan perhatian dan norma baru dalam amalan mendidik.

KEPERLUAN DAN ISU

- Mengangkat Keunggulan sekolah.
- Perubahan amalan pdp guru dalam bilik darjah.
- Pembangunan karakter murid (Kompetensi Al Hikmah).
- KeAbiman dan Petugas Jamaah (Tanzim harakiy).
- Sekolah Perjuangan dan sekolah kader.

Antara misi Jamaah dipetik dari ucapan Tuan Haji Ahmad Azam dalam muknas pada 12 September 2020 iaitu "Kualiti pendidikan kita perlu dipertingkatkan".

PROGRAM ISLAH SEKOLAH (PIS)

PIS ada suatu reform yang memayungi beberapa inisiatif utama YTP bagi memacu kecemerlangan institusi jamaah selaras dengan perubahan dan perkembangan baru pendidikan serta sejajar dgn aspirasi jamaah.

- Program Kaderisasi, Tanzim haraki dan Sekolah Perjuangan.
- Program Transformasi Sekolah dan Kompetensi Pendidikan al Hikmah.
- Model pengajaran dan pengajaran Bermakna dan Berhikmah.

OBJEKTIF

- Pembentukkan tanzim haraki melalui tarbiyah usrah dan amalan ruhiyyah untuk mempersiapkan pembinaan dai'e atau kader jamaah.
- Pembangunan kompetensi dan karakter Al Hikmah melalui Pembelajaran secara aktif, meningkatkan pemikiran kritis dan kreatif murid.
- Pembangunan persekitaran pembelajaran lebih berkesan, bilik darjah yang kondusif, fleksibel dan pdp yang kreatif.
- Pengurusan sekolah yang cekap dan mengutamakan kemenjadian murid.
- Pembinaan Model-model pengajaran bermakna dan Berhikmah.

Tarbiyah Keabiman dan Panduan Usrah

- Amalan Mathurat.
- Pemupukan budaya usrah dan keabiman.
- Pembinaan biah soleh dan solehah.
- Dakwah lapangan dan khidmat sosial.
- Model Aplikasi usrah dan tamrin.
- Penglibatan WAP dalam kaderisasi.
- Penglibatan program Kesatuan Pelajar Negeri.

Program Transformasi Sekolah dan Kompetensi Pendidikan al Hikmah

- Konsep dan Pengoperasian.
- Mengurus perubahan, Bimbangan & Pementoran dan Pemimpin Pertengahan.
- Interpretasi Data, Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC), Learning Walk dan Pelan Intervensi,
- Pembelajaran Abad Ke 21, Repozitori Pembelajaran dan Kefahaman melalui Reka Bentuk (KmR).
- Peralatan Digital & Sumber Pembelajaran Digital (Digital Learning).

Pembelajaran Bermakna dan Berhikmah.

- Big Idea / Idea Besar.
- RPH Pembelajaran Bermakna dan Berhikmah.
- Merungkai standard : DSKP (Standard Kandungan, Standard Pembelajaran, Standard Pentaksiran).
- Set Induksi, menentukan kandungan, pentaksiran dan kaedah PdP.
- Penyepaduan nilai kompetensi al Hikmah dan PAK21.
- Pembelajaran berdasarkan projek (PBL) dan panduan garis masa / Timeline.

NARATIF BARU PERSEKOLAHAN

Pada 24 Mei 2021, Yayasan Takmir Pendidikan telah menganjurkan Program Pembangunan Profesional Institusi Jemaah dengan menjemput Datuk Dr. Amin bin Senin sebagai penceramah yang bertajuk Naratif Baru Persekolahan. Antara perkara yang disentuh beliau ialah:

1. Dalam pendidikan kita perlu meletakkan matlamat akhir. Bagi sekolah ABIM tentunya fokus diberikan kepada pembinaan citra manusia yang diperlukan oleh ABIM. Sebagaimana dalam konteks nasional, ABIM perlu menterjemahkan matlamat akhir citra manusia yang ingin dilahirkan
2. Masalah kita sekarang lebih kepada bagaimana hendak menterjemahkan dalam tindakan. Perlu ditegaskan soal bagaimana sekolah ABIM dapat melaksanakan pelan tindakan bagi meralisasikan citra manusia yang menepati wawasan perjuangan, ummatik dan generasi khayra ummah.
3. Prinsip asas yang mewarnai pendidikan perlu jelas kepada para pendidik;
 - *Dignity. Guru perlu memiliki jiwa pendidik yang mampu mengangkat martabat manusia (karamah insaniah). Pendidikan sebagai mekanisma mengangkat karamah insaniah dalam kalangan pelajar.*
 - *Potentiality – Guru mesti percaya bahawa setiap anak didik berpotensi untuk di gilap melalui pendidikan. Pakar pendidik dan psikologi membuktikan bahawa anak-anak memiliki pelbagai potensi meliputi potensi akal, rohani, fizikal dan emosi. Malangnya sistem pendidikan kita semacam menghadkan penerokaannya.*
 - *Educability – Setiap anak didik boleh dididik, tiada kekangan. (Imam Baihaqi : Manaqib imam Syafie - anak didik imam Syafie slow learner, diajarnya terus secara peribadi. Imam syafie minta dia berdoa – Akhlirnya menjadi ulama perawi Hadith)*
4. Prinsip asas pendidikan ini perlu diberi penekanan oleh setiap guru – ciri non professionalisme yang muncul daripada pendidik yang menjawai peranannya. Prinsip ini penting untuk memastikan pendidikan ABIM berkembang dengan baik.
5. Perspektif menterjemahkan wawasan supaya lebih berkesan. Dalam sistem pendidikan tidak ada istilah *neutral*, ianya mesti cenderung kepada negara, bangsa, budaya dan sistem nilainya. Dalam sistem pendidikan yang tidak natural itu tetap menampilkan dua unsur yang penting, iaitu;
 - *Knowledge - Pendidikan mesti menekankan kepada ilmu. Kadang-kadang perspektif ilmu ini menenggelamkan kepentingan pembelajaran.*
 - *Pengalaman pembelajaran - berterusan sepanjang hayat*
6. Sistem informal (rumah), formal (institusi sekolah) dan non formal (organisasi dan masyarakat). Sistem non-formal ini telah banyak mempersiapkan aktivis ABIM dalam menggerakkan kerja dakwah dan merealisasikan idealism perjuangan. Non-formal dan informal ini dapat melengkapkan pendidikan formal. Justeru, pendidikan yang diinstitusikan dapat menggarap wawasan sama ada organisasai atau negara. Pendidikan informal institusinya adalah keluarga, formal insitusinya adalah sekolah, manakala non-formal dibentuk dalam organisasai seperti ABIM. Ketiga-tiga sistem ini tidak ada penyeragaman, namun yang menjadi teras pengalaman adalah;
 - *Penekanan kepada learning to learn – pembelajaran sepanjang hayat.*
 - *Learn, unlearn and relearn.*
7. Sistem pendidikan kita kebanyakan dipengaruhi oleh disiplin ilmu sehingga mengabaikan pembelajaran. Peperiksaan umpamanya telah menghadkan kreativiti anak-anak belajar dan pembelajaran bermakna tidak berlaku.
8. Bagaimana kita mampu menyuburkan minat murid untuk belajar, kita tidak menekankan kepada anak-anak tentang cara mereka belajar. Sistem kita menjadi terlalu akademik. Pengalaman persekolahan sepatutnya meluas ke luar bilik darjah, kokurikulum.
9. Naratif baharu persekolahan dalam pengalaman persekolahan dalam sistem pendidikan ABIM perlu memberi penekanan kepada bagaimana kita boleh menyuburkan semangat belajar dalam kalangan anak didik. Bagaimana kita boleh memaksimumkan manfaat pendidikan formal kepada pembinaan karakter murid;
 - *Menekankan belajar cara belajar keberkesanan*
 - *Belajar cara berkesan*
10. Pengalaman semasa pandemik – sistem persekolahan semasa pandemik ini semacam tidak relevan - seluruh dunia menghadapi masalah yang sama. pendidikan tidak dapat dioptimumkan; ibu bapa bertanya anak mereka di rumah belajar atau tidak. Sistem persekolahan yang kita ada sudah tidak sesuai pada zaman pandemik, walaupun ict dan *online learning* mengambil tempat, tetapi kualiti pembelajaran dinilai sebagai menurun dan kurang berkesan. Kaedah pembelajaran PdPR telah mentafsir semula soal amalan pembelajaran.
 - *Apakah anak-anak belajar semasa PdPR.*
 - *Kaedah PdPR telah mentafsir semula pendekatannya.*
11. Masalah yang berlaku jelas disebabkan;
 - *Sistem persekolahan kita dibangunkan mengikut naratif (pengalaman) persekolahan lama - konsep kilang (keseragaman) dicabar oleh pandemik.*
12. Sistem persekolahan kita sudah out dated, tidak melihat individu pelajar sebagai individu yang unik, berpotensi dan boleh dididik – kita perlu lihat semula sistem sekolah kita supaya serasi dengan digital native. Naratif baharu persekolahan mestilah dalam bentuk;
 - *Pembelajaran bermakna (deep learning) – ketibaan makna dalam diri seseorang. Menterjemahkan ilmu kepada pengalaman.*
 - *Menyediakan pengalaman – learning centric dikaitkan dengan kehidupan*
13. Kalau dalam kaedah lama (kurikulum centered) tidak dikaitkan kepada kehidupan seharian. Proses dalam kaedah lama lebih berbentuk latih tubi; pendekatan sekarang mesti dalam bentuk learning partnership, guru sebagai model contoh dan kolaboratif learning.
14. Ilmu strategic; salah satunya adalah penguasaan dalam
 - *Pembelajaran digital learning*
 - *Learning space – berubah daripada physical space kepada digital space, family space – perlu diadun secara seimbang (gabungan fizikal-digital-family space).*
15. Dulu grammar of schooling terikat dengan curriculum centred, standardies & test oriented serta confine to classroom, tetapi grammar sekarang mestilah;
 - *Face to face learning*
 - *Distance learning*
 - *Synchronous learning*
 - *Asynchronous learning*
 - *Hybrid learning*
16. Pendidikan tidak lagi berfokus untuk menghabiskan sukanan pelajaran tetapi perlu ikut keupayaan pembelajaran murid. Sekolah ABIM mesti melaksanakan pengurusan paradigma baru – mengoptimizkan pembelajaran murid.
17. Perbincangan lanjut soal kurikulum, pedagogi dan pentaksiran perlu diubahsuai. Pengurusan mesti dalam bentuk paradigma baharu.
18. Digital learning berbeza pendekatan dengan pembelajaran semuka – dalam pembelajaran individualise, pembelajaran digital perlu diurus secara individu di rumah
 - *Berikan tumpuan besar kamahiran kompetensi digital learning kepada guru-guru*
 - *Menterjemahkan kepada amalan real*
 - *Menguruskan jumey perubahaan secara kreatif*



KURSUS ASAS PERGURUAN (KAP MOD 2, SIRI 2)

Kursus Asas Perguruan (KAP) Mod 2 Siri 2 telah diadakan dengan jayanya pada 8-10 Jun 2021. Kursus ini diadakan secara maya. Jumlah peserta seramai 97 orang guru dari SERI, SEMI dan TASKI ABIM seluruh Malaysia. 56 guru dari SERI, 2 orang SEMI, 34 orang TASKI, 5 orang peserta baru dari Madrasah Islamiah (Islamic Outreach) dan dua orang dari Krabi, Thailand. Kursus ini dikendalikan di bawah Latihan Modal Insan diketuai Pn. Hjh. Nur Jannah bt Keman selaku Pengarah Latihan & Modal Insan.

Kursus KAP ini selari dengan Kursus Reskilling Digital Learning ILSAS-TNB yang diadakan bermula 8 Jun


2021 sehingga 12 Jun 2021. Kursus KAP dirasmikan oleh Tn. Hj. Mohd. Musleh Yunos, Ketua Pengarah, YTP. Slot pertama adalah “Guru dan Faham Ilmu” disampaikan oleh Tn. Hj. Mohd. Khailani Abd. Jalil (Timb. Ketua Pengarah, YTP/Pengarah Sekolah), seterusnya “Psikologi Pendidikan” oleh Tn. Hj. Ishak Ali Shah (Pengarah TASKI), dan di sebelah petang bertajuk “Pengurusan Bilik Darjah-Hubungan Guru Dengan Murid” disampaikan oleh Pn. Hjh. Nur Jannah bt Keman (Pengarah Latihan dan Modal Insan, YTP).

Manakala hari ke dua peserta diberi tentang “Penerapan TMK dalam Pendidikan dan Aplikasi Web Pendidikan dalam Abad ke 21” oleh Dr. Abd. Kahar b. Saprani (Pengarah Teknologi Pendidikan & Sumber Pembelajaran Digital, YTP). Tn. Hj. Mohamad b. Abu Daud menyampaikan tajuk “Asas Pentaksiran Pendidikan”. Hari ke tiga peserta diberi kefahaman berkaitan dengan Pendidikan Al-Hikmah berkaitan “Konsep Kompetensi Al-Hikmah dan Kompetensi Al Hikmah Merentas Kurikulum” disampaikan oleh Tn. Hj. Mohd. Khailani dan “Strategi& Pendekatan Al-Hikmah dalam Pengajaran dan Pembelajaran” oleh Tn. Hj. Mohamad b Abu Daud.

Melalui respon borang Penilaian Kursus, secara keseluruhannya kursus KAP ini sangat baik, memuaskan hati peserta, penyampaian kuliah yang menarik dan berkesan serta pengurusan lebih profesional. Intipati ucapan penutup, Tn. Hj. Mohd. Musleh (Ketua Pengarah, YTP) beliau menegaskan agar ilmu dan kemahiran yang diberi dapat dihadam dan diaplikasi dengan sebaik mungkin untuk memartabatkan profesionalisme keguruan dalam mengISLAHKAN PdP dan sekolah untuk merealisasikan sekolah perjuangan dan kemenjadian murid generasi Rabbani.

Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman

MESYUARAT MAJLIS PENTADBIR YTP (MPYTP)



Mesyuarat Majlis Pentadbir YTP (MPYTP) secara maya telah diadakan dengan jaya pada 24 Mei 2021 sempena program Pembangunan Profesionalisme Institusi Jemaah iaitu Kursus ISLAH Sekolah (PIS) dan Bicara Tokoh. Agenda penting MPYTP ini adalah untuk mendapatkan kesepakatan bersama beberapa program dan aktiviti YTP/Sekolah di dalam situasi Pandemik COVID-19 yang telah dijadualkan.

Agenda pertama iaitu pelaksanaan Peperiksaan Sijil Penilaian Agama (SPRA) ABIM untuk Tahun 5 tahun 2021 akan diteruskan sekiranya sekolah tidak ditutup berlanjutan sehingga hujung bulan Jun. Sekiranya berlanjutan SPRA akan digantikan dengan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Agenda ke dua iaitu persetujuan bersama iaitu Pertandingan Ihtifal Akademik Peringkat Kebangsaan (IKSA) Kali ke XX akan diadakan secara maya dengan hanya menghantar rakaman kepada pihak YTP dan acara sekolah rendah dikurangkan. Namun sekiranya sekolah dibuka sehingga Ogos 2021 IKSA hanya dipertandingkan di peringkat sekolah sahaja (schoolbase). Mesyuarat ini juga, pihak YTP telah membentangkan garis panduan Skim Penggajian Sekolah SERI dan SEMI di bawah YTP dan cadangan Tabung Kebajikan Guru dan Staf Sekolah di bawah YTP.

Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman

Kursus Reskilling Digital Learning telah diadakan pada 30 Mei 2021 hingga 4 Jun 2021. Kursus lima hari dari pagi ke petang adalah usahasama dari ILSAS-TNB dengan Kolej Dar Al-Hikmah kepada dua belas pegawai Yayasan Takmir Prndidikan. Empat modul telah dibimbing oleh para Trainner ILSAS-TNB iaitu Creative Content Design (software Vyond, Powtoon dan iSpring Suite) untuk menyediakan video, kuiz dan slaid presentation Power Point yang lebih kreatif dan inovatif. Manakala Adobe Illustrator juga diberi asas kemahiran untuk menghasilkan iklan berbentuk poster dan banting.



Kursus Reskilling Digital Learning secara maya juga telah dilaksanakan kepada para guru-guru SERI, SEMI dan SRI/KAFA ABIM seluruh Malaysia dengan jayanya pada 8-12 Jun 2021. Seramai 120 peserta yang terpilih daripada 260 orang guru yang disenaraikan pendek. Empat kumpulan telah dibentuk di mana setiap kumpulan terdiri 30 orang peserta iaitu guru besar dan guru-guru dan ketua kelas telah dilantik iaitu kump. 1 diketuai oleh Pn. Fauzana Abd. Rahman (GB SERI Johor), Kump. 2 Ust Wan Sapuan Wan Ahmad Fuad (GB SERI Manjung), Kump. 3 diketuai Ust. Mohd. Fadzil b Alias (Mudir SERI Mutiara, P. Pinang) dan Kump. 4 diketuai oleh Tn. Hj. Mohd. Ghazali Abu Bakar (GB SERI Al-Maarif, Sg. Petani). Kelas bermula 8.30 pagi hingga 5.00 petang berjalan serentak di mana empat kumpulan berlainan Juru Latih Para Juru Latih ialah Tn. Naim Moqdad Tn. Zawi, En. Haris b. Din, Pn. Nur Aqilah Syairah Mohd. Sahidi, Cik Nurshahira Harun, Cik Fatin Nabila Ahmad Dasila, Haffiul Zainal manakala modul Kaunseling KDH disampaikan oleh Ust. Zuljalaluddin Abd. Rani, En. Bahtiar Hasnan dan Pn. Siti Hawa bt Bukhari. Sepanjang lima hari berkursus diurus selia oleh Penyelaras Kursus iaitu Pn. Hjh. Nur Jannah bt Keman (Pengarah Latihan & Modal Insan, YTP) merangkap Pengerusi Majlis keseluruhan, En. Mohd. Hafiz Mohd. Isa (Pengurus Kanan, KDH) dan Tn. Naim Miqdad Tn. Zawi (ILSAS-TNB).



Majlis perasmian pembukaan oleh En. Mohd. Sharizam Salleh (Pengurus, Strategic Digital Innovation ILSAS TNB) dan Tn. Hj. Mohd. Musleh Yunos (Ketua Pengarah, YTP). Manakala Majlis Penutup oleh Dr. Mohd. Zaliman Yusof (Head, Strategic Digital Innovation ILSAS TNB), Dr. Samijah bt Surif (Ketua Pegawai Eksekutif, KDH) dan Tn. Hj. Mohd. Musleh b. Yunos (Ketua Pengarah, YTP). Mesej penting dari ucapan Dr. Zaliman adalah

para pendidik dan pentadbir diseru agar dapat menguasai kemahiran teknologi dalam era Industri 4.0 ini sesuai dengan norma baharu dan mengambil inspirasi kejayaan Sultan Muhammad Al-Fatih yang berjaya menakluki Kota Constantinople pada tahun 1453. Beliau adalah pelopor teknologi baru di masa itu menggunakan meriam gergasi yang serupa dengan Dardanelles Gun. Begitu juga Alexander The Great atau Iskandar Agung juga menguasai kemahiran teknologi terkini di zamannya, beliau seorang raja Empayar Macedonia Greek berjaya menakluki hampir seluruh dunia iaitu Empayar Parsi termasuklah Anatolia, Syria, Phoenicia, Gaza, Mesir, Bactria, Mesopotamia dan kawasan Punjab. Justeru para guru sebagai barisan hadapan harus mempertajamkan minda dengan ilmu dan kemahiran teknologi terkini untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran lebih dinamik, menarik, kreatif dan inovatif dalam menghadapi cabaran yang lebih besar.

Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman

AKTIVITI TASKI



PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PdPR) DI INSTITUSI PENDIDIKAN ABIM

ZOOM MEETING 9.00 PAGI – 12.00 TENGAHARI

22 Mei 2021 (SABTU)

TN HJ ISHAK ALI SHAH Pengarah TASKI YTP

TN HJ MUHAMAD BIN DAUD Pengarah Akademik dan R&D YTP

Terbuka kepada guru-guru SEMI/SERI/TAHFIZ/KAFAMA ABIM
Yuran RM10 seorang

Sebarang pertanyaan dan maklum balas, sila hubungi pegawai Latihan Cik shikin : 013 309 9659

Webinar yang berjalan selama lebih kurang 3 jam bertajuk Panduan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) di Institusi Pendidikan ABIM adalah salah satu webinar yang dianjurkan oleh YTP untuk guru-guru TASKI, TAHFIZ, SERI dan SEMI ABIM sebagai panduan untuk menjalankan PdPR yang menjadi medium utama Pendidikan pada masa kini. Webinar ini telah diadakan pada 22 Mei 2021 (Sabtu) secara maya melalui aplikasi Zoom. Hj. Ishak Alishah (Pengarah TASKI YTP) dan Hj. Mohamad Abu Daud (Pengarah Akademik dan R&D YTP) telah menyampaikan tajuk yang berkaitan dalam webinar ini. Yuran komitmen RM10 telah dikenakan kepada para peserta dan seramai 206 guru TASKI, TAHFIZ, SERI dan SEMI ABIM telah turut serta dalam webinar ini. Cadangan daripada guru-guru, pihak YTP perlu mengadakan webinar dari segi teknikal pula terutamanya cara pengendalian aplikasi zoom dan google meet.

WEBINAR TASKI ABIM

PENDIDIKAN KOMPETENSI AL-HIKMAH

12 JUN 2021 (SABTU)

9.00 PAGI - 11.00 PAGI

ZOOM MEETING

PENCERAMAH

PUAN ROHANA KAMARUDDIN

Pihak YTP-TASKI telah menganjurkan webinar Pendidikan Kompetensi Al-Hikmah pada 12 Jun 2021 (Sabtu) yang berjalan selama lebih kurang 2 jam melalui aplikasi Zoom telah disampaikan oleh Pn. Rohana Kamaruddin sebagai perunding dalam pendidikan Al-Hikmah yang menjadi teraju utama dalam menyampaikan Pendidikan Al-Hikmah ke Institusi Pendidikan ABIM. Ini adalah webinar kali pertama khas untuk guru-guru TASKI Malaysia dan akan disambung 3 siri lagi pada masa akan datang untuk mendapat pendedahan secara menyeluruh mengenai Pendidikan Kompetensi Al-Hikmah di peringkat TASKI. Kehadiran seramai 66 orang guru TASKI dan diharapkan penyertaan yang lebih ramai di masa akan datang.

Pada 5 Jun 2021 (Sabtu) telah dijalankan webinar melalui aplikasi Zoom mengenai Tips Perancangan Pengajaran dan Penjadualan Pembelajaran oleh YTP-TASKI untuk memberi panduan kepada guru dalam menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) serta penyusunan jadual waktu kelas yang betul. Webinar yang berjalan selama lebih kurang 3 jam ini disampaikan oleh Hj. Ishak Alishah (Pengarah TASKI YTP) dan Pn. Siti Rakiah Omar (SKM PPT Bidang Pendidikan Prasekolah). Kehadiran seramai lebih kurang 106 orang yang terdiri daripada semua guru TASKI seluruh Malaysia.

TIPS PERANCANGAN PENGAJARAN DAN PENJADUALAN PEMBELAJARAN

SABTU 5 JUN 2021 | ZOOM MEETING | 9.00 PAGI – 12.00 TENGAH HARI

Panel 1 : Tn Haji Ishak Ali Shah Pengarah TASKI YTP

Panel 2: Puan Siti Rakiah bt Haji Omar SKM PPT Bidang Pendidikan Prasekolah

Sebarang pertanyaan sila hubungi pegawai Latihan Puan Shikin 013 - 3099659

Laporan : Khairani Thanin

Mengenali Sekolah

SEKOLAH RENDAH ISLAM (SERI) AL-UMMAH TAIPING



Sekolah Rendah Islam (SERI) Al Ummah Taiping merupakan salah satu dari rangkaian sistem pendidikan jamaah. SERI Al Ummah Taiping (SERI Taiping) mula ditubuhkan pada 3 Januari 2001 bertempat di sebuah banglo No. 248, Jalan Mudzaffar Shah, Assam Kumbang 34000 Taiping, Perak, dan telah didaftarkan dibawah Jabatan Agama Islam Perak. Pada awalnya sekolah ini dipimpin oleh Ustaz Ab. Rahman bin Abdullah sebagai guru besar yang pertama sehingga tahun 2015. Selepas itu, pada tahun 2016 hingga sekarang diterajui oleh Cikgu Abdul Hamid bin Ali.

Pada Januari 2004, sebahagian pelajar SERI Taiping telah berpindah kesebuah rumah di Taman Perumahan Kerajaan, Assam Kumbang kerana kelas tidak mencukupi. Jumlah murid pada masa itu telah meningkat seramai 70 orang.

Pada tahun 2009, SERI Taiping telah berpindah dibangunan sendiri yang beralamat JKR 31 Jalan Assam Kumbang Taiping yang sebelum ini, beroperasi sebagai TASKI Taiping, lokasinya terletak lebih kurang 3 kilometer dari Bandar Taiping. Dengan penambahan jumlah murid maka pihak Jemaah Pengurusan (LPS) SERI Taiping telah berusaha membina sebuah surau pada tahun 2012 hasil sumbangan dan usaha daripada Tuan Haji Muhammad Nizam bin Zainal Abidin. Surau ini boleh memuatkan seramai 250 orang murid pada satu-satu masa. Pada tahun 2018, jumlah pelajar semakin meningkat seramai 240 orang dari tahun 1 hingga tahun 6.

Pada awal 2015, Ahli Jemaah Pengurusan (LPS) SERI Taiping telah bersetuju dan mula merancang pembinaan bangunan baru 2 tingkat dengan 5 bilik darjah dan sebuah pejabat seiring dengan permintaan ibu bapa dan masyarakat setempat yang ingin menghantar anak-anak mereka di SERI Taiping. Pada Jun 2015 bangunan ini mula dibina dan siap Disember 2015, Alhamdulillah mula digunakan pada Januari 2016, manakala dana pembangunan adalah hasil sumbangan orang ramai. Pada Disember 2017, sebuah gelanggang serbaguna dibina bagi kemudahan murid-murid menjalankan aktiviti-aktiviti kokurikulum.


Guru besar bersama guru-guru sentiasa berusaha mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Kursus-kursus dalaman dan tahap disiplin yang baik dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik dan kokurikulum sekolah. Wawasan SERI Taiping ialah melahirkan insan cemerlang yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani dan emosi sejajar dengan falsafah Al-Hikmah iaitu mewujudkan suasana yang kondusif bagi melahirkan pelajar-pelajar yang beriman, berilmu, berakhlik mulia, berketerampilan dan berwawasan. Bagi merealisasikan hasrat menuju kearah kecemerlangan, aspirasi wawasan dan matlamat ini perlu ada kerjasama seluruh warga SERI, ABIM, Wadah dan Yayasan Takmir yang mahu melihat sekolah ini sentiasa mempunyai budaya cemerlang.

Perancangan Ahli Jemaah Pengurusan (LPS) SERI Taiping pada masa hadapan adalah untuk membina bangunan tiga tingkat bagi memenuhi permintaan ibubapa dan masyarakat yang ingin menghantar anak ke sekolah ini. Semoga dengan sokongan dan kerjasama daripada semua pihak, SERI Al-Ummah Taiping dapat mengharungi segala cabaran bagi mencapai cita-citanya.

Laporan : Suhaili Hussin

Nama sebenar ialah Hamisan @ Khair bin Salam. Dilahirkan pada 16 Februari 1939 di Kg Sungai Bagan, Rengit, Batu Pahat, Johor. Berketurunan Jawa Ponorogo dari keturunan sebelah bapanya. Merupakan anak kedua bongsu dari 11 orang adik beradik.

Ustaz Khair Bin Salam



Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan di Sri Merlong, Rengit, Johor. Melanjutkan pelajaran di Madrasah Al-Attas Al-Arabiah Al-Islamiah, Johor Bahru yang ketika itu berada di Wadi Hana, Johor Bahru (1956 – 1959). Pada hujung minggu beliau menyambung kelas Darjah Khas di Sekolah Agama Air Molek, Johor Bahru. Beliau juga merupakan kumpulan pertama pelajar Maahad Johor (1960 – 1964). Pada waktu ini telah pun bekerja di Singapura sebagai seorang guru di Ma'ahad Al-Irsyad. Beliau juga mengambil kelas malam untuk belajar Bahasa Inggeris di Monk's Hill School Newton, Singapura.

Pada tahun 1967, beliau mengambil peperiksaan SPM sebagai calon persendirian. Sewaktu menduduki peperiksaan ini, beliau sedang bertugas di Jabatan Penerangan. Pada usia beliau 52 tahun beliau menyambung pengajian di peringkat diploma iaitu Pengajian Bahasa Arab secara separuh masa di IPI (Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam) ABIM, Kajang. Bakat pandai bersyarah dari sekolah menengah menjadikan beliau dengan mudahnya menjadi seorang guru seterusnya memberi perkhidmatan ceramah di masjid dan surau sekitar Singapura waktu itu. Sewaktu beliau bekerja di Pejabat Penerangan, beliau sering diundang sebagai Pengacara Majlis bagi sesebuah program atau majlis.

Selepas lapan tahun bertugas sebagai Pegawai Penerangan, beliau bertukar karier sebagai Penyelia Pembangunan Peneroka FELDA mulai tahun 1974. Pada Tarikh 28 Februari 1979, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pegawai Pembangunan Peneroka FELDA di Kuala Terengganu. Pada tahun 1982, beliau bertukar ke Johor Bahru sehingga tamat tempoh perkhidmatan. Pentaulahan daripada Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) membolehkan beliau menerima undangan ceramah agama dan kelas pengajian ilmu di masjid serta surau sekitar Johor Bahru.

Selepas bersara, beliau telah menerima tawaran sebagai Guru Besar di Sekolah SRI Johor Bahru (SRIJB) selama lapan tahun. Bersama-sama jamaah beliau pernah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa ABIM Daerah Johor Bahru, Timbalan Wadah Negeri Johor dan Pengerusi Syuro Negeri Johor. Pencapaian terbaik beliau dalam ABIM apabila menerima Anugerah Tokoh ABIM Negeri Johor pada tahun 2001. Beliau juga mendapat tauliah daripada Tabung Haji sebagai petugas Haji dan Umrah. Khidmat beliau kepada masyarakat dapat dilihat di mana beliau sangat aktif di dalam Badan Kebajikan Islam Taman Gembira. Aktiviti dakwah beliau turut disalurkan melalui mata pena. Pelbagai topik dikupas dalam penulisan sehingga menarik ramai pembaca. Karya beliau turut tersiar dalam beberapa akhbar dan majalah tempatan. Antaranya Majalah Warta Jabatan Agama Islam Johor, Majalah Peneroka FELDA, Utusan Melayu, Berita Minggu dan sebagainya.

Beliau bertemu jodoh dengan pilihan hatinya Hajah Ratnah Wati Ahmad Sonhadji dan bernikah pada tahun 1968 di Singapura. Mereka dikurniakan lima orang anak. Semasa berusia 78 tahun, beliau menghembuskan nafas terakhir di Johor Bahru pada 20 Mei 2017. Semoga khidmat bakti yang ditaburkan menjadi jariah berpanjangan buat Almarhum.

Sidang Redaksi

Penasihat

Hj. Mohd Musleh Yunos

Ketua Editor

Hj. Samian Mohd Ali

Timb. Editor

Hj. Mohamad Khailani Jalil

Editor Kerja

Hjh. Nur Jannah Keman
Suhaili Husin

Khairani Thanin

Mohd Naim Mohd Nor

Che Abd Fatah Che M. Nor

Syahirah Zamasry

Norhasikin Ismail

Susunatur Grafik

Khairul Anuar M. Ariffin

Penerbit


Yayasan Takmir Pendidikan
No. 21 Jalan 7/1B, Seksyen 7,
43650 Bandar Baru Bangi

Emel:

yayasantakmir@gmail.com
Tel: 03-89265853 / 03-89202308

Fax: 03-89201788

Laporan : Suhaili Hussin





Mengenali Qabil Quran

Qabil Quran (Qalbi Al-Quran) bermaksud Hatiku Al-Quran, dan ia adalah tajuk sebuah channel Youtube yang membentangkan Ikjaz (Mukjizat) Al-Quran melalui penelitian bahasanya, sama ada penelitian tersebut pada penggunaan kalimat, huruf dan pemilihannya, penambahan huruf atau pengurangannya, penyusunan kalimat dan huruf dan lain-lain yang berkaitan dengan ilmu sastera Bahasa Arab yang menjadi kekaguman cerdik pandai Arab ketika Al-Quran diturunkan dahulu, namun sayangnya bahan-bahan ini hanya akan dapat dicapai oleh para sarjana di bidang ini atau pembaca dan pengkaji yang mendalami pembacaan sahaja, adapun pembaca biasa, peneliti tafsir-tafsir ringan atau Quran terjemahan tak akan menemui perbahasan ini, malah mereka tidak sedar pun bila melalui ayat-ayat yang punya nilai Ikjaz yang begitu tinggi.

Di sinilah Qabil Quran berperanan mengangkat tema-tema besar ini untuk diperhatikan nilai-nilai sasteranya, mesej-mesej besar yang dibawa ayat tersebut melalui bahasanya yang menarik, dan kenapa Allah swt sengaja memaparkan ayat tersebut seperti itu? Ini semua bertitik tolak dari firman Allah swt (Surah Muhammad : 24)

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْءَانَ أَمْ عَلَىٰ قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا

Maksudnya: "Apakah mereka tidak meneliti (mesej) Al-Quran? Atau hati-hati mereka sudah dikunci?"

Jadi di atas dasar untuk membuka kunci-kunci yang membelenggu hidup masyarakat kita yang selesa dengan sekadar membaca Al-Quran tanpa merasa tertuntut untuk mendalami makna yang tersurat dan tersirat, biarpun mengulangi bacaannya sejak 50-60 tahun yang lalu, mereka tetap tidak berubah, dan tidak berusaha untuk mempertingkatkan pemahaman, padahal Al-Quran ini adalah kitab perubah, malah sudah punya bukti merubah bangsa dan tamaddun Arab setelah mereka mengikuti ajarannya.

Alhamdulillah hari ini kita dapati sudah banyak gelombang yang mendesak agar kita mendalami Al-Quran bukan sekadar membaca sahaja, sudah banyak dianjurkan oleh pelbagai pihak, termasuk di dalam beberapa saluran TV utama, di masjid-masjid, wacana-wacana di media sosial dan lain-lain ruang, termasuklah di channel Youtube di mana Qabil Quran turut serta memaparkan mesej-mesejnya, ia adalah usaha murni pelbagai pihak untuk mendekatkan masyarakat kita dengan Al-Quran, menambahkan kefahaman, keyakinan dan penghayatan terhadap Kalamullah ini dan akhirnya dapat mengamalkannya dengan sebaik-baiknya.

Untuk melihat video-video Qabil Quran yang kini sudah mencapai 47 siri, masuk sahaja ke page utama Youtube dan tap diruangan carian : Qabil Quran 5, dan tekan enter, ia akan memaparkan semua siri-siri Qabil Quran yang ada di dalam simpanannya, semoga bermanfaat untuk ummat. Jangan like dan subscribe. Wassalamualaikum wbt.

Ustaz Mohd Naim Mohd Nor



MUTIARA HIKMAH

"Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang betul dan memberikan berita yang mengembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar." (al-Isra' : 9)

GARIS PANDUAN PdPR YTP (SERI / SEMI / TASKI)

OLEH HJ. MOHAMAD ABU DAUD (PENGARAH AKADEMIK & R&D)

PENDAHULUAN

Pengajaran dan Pembelajaran di rumah PdPR dilaksanakan di rumah atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian kerana murid tidak ke sekolah kerana wabak atau kecemasan. Ia boleh dilaksanakan melalui talian atau di luar talian atau off site dengan berstruktur dan terancang.

OBJEKTIF

- Sebagai panduan kepada guru untuk melaksanakan PdPR secara berstruktur dan terancang.
- Diharapkan murid boleh mengikuti PdPR secara optimum.

PENDEKATAN

- Guru – murid bersemuka dalam talian dalam jangka masa tertentu.
- Boleh dilaksanakan melalui pelantar pembelajaran seperti Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa), Cikgoottube, EduWebTV dan aplikasi media sosial; @ aplikasi seperti Google Meet @ Microsoft Teams secara lintas langsung (live streaming); @ ePermainan (gamification), video, klip audio, eBuku, rakaman @ tugas dalam talian.

GUNA PERANTI

- Pelaksanaan PdPR memerlukan murid menggunakan peranti berskrin seperti komputer, komputer riba, tablet @ telefon pintar dalam tempoh tertentu. Masa penggunaan peranti ini dikenali sebagai tempoh layar (screen time) murid.

WAKTU BELAJAR

- Panduan tempoh layar maksimum mengikut umur berdasarkan sumber daripada www.eyepromise.com dengan merujuk kepada The American Academy of Pediatrics (AAP) dan World Health Organization (WHO) adalah seperti berikut:

Tahap Persekolahan Tempoh	Waktu Layar Sehari
Taski	1 jam
SRI	1-2 jam
SMI rendah	2-3 jam
SMI atas	3-4 jam

PENDEKATAN LAIN

- Guru perlu menetapkan tempoh masa layar yang bersesuaian dengan mengambil kira pandangan ibu bapa/ penjaga.
- Murid belajar menggunakan peranti seperti komputer, komputer riba, tablet @ telefon pintar tanpa capaian Internet.
- Pembelajaran juga boleh berlaku apabila murid belajar menggunakan buku teks @ bahan pembelajaran lain.
- Guru boleh memuat turun bahan-bahan PdP dalam bentuk video, audio, slaid, nota dan latihan daripada pelbagai sumber.

PEMBELAJARAN KENDIRI & TUGASAN

- Amat digalakkan murid belajar kendiri (guru perlu membimbing murid supaya mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber) serta boleh menyediakan tugasan.

KAEDAH PEMBELAJARAN : MODUL

- Tajuk @ tema modul;
- Objektif pembelajaran berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP);
- Tempoh pelaksanaan aktiviti;
- Nota berkaitan tajuk modul;
- Aktiviti yang relevan dengan topik PdP atau aktiviti yang mengalakkan murid belajar berdasarkan pengalaman sendiri; dan
- Pentaksiran untuk mengukur penguasaan murid .
- Modul pembelajaran ini diedarkan kepada murid berdasarkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang ditetapkan.
- Murid perlu menyerahkan hasil tugasannya untuk disemak/ ditaksir sebelum menerima modul pembelajaran seterusnya

KAEDAH PEMBELAJARAN: PROJEK

- memberi tajuk kepada murid;
- membimbing murid untuk mengenal pasti cara menyiapkan projek yang diberikan;
- membimbing murid untuk mengenal pasti bahan, peralatan dan kos yang diperlukan;
- menentukan jangka masa menyiapkan projek;
- membimbing murid menyelesaikan projek;
- membentangkan hasil projek; dan
- membuat refleksi tentang proses penghasilan projek.

KAEDAH LAIN

- Guru boleh juga melaksanakan kaedah PdP yang lain seperti flipped classroom, pembelajaran berdasarkan inkuiri, pembelajaran masteri, pembelajaran kontekstual dan pembelajaran penyelesaian masalah.

PENTAKSIRAN ALTERNATIF(PENAL)

- Penal boleh dibahagikan kepada tiga pendekatan, iaitu pentaksiran kognitif, prestasi dan portfolio.

- Pentaksiran kognitif berfokus untuk mengukur kemampuan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) pelajar, penguasaan, sikap dan kemahiran komunikasi.
- Pentaksiran prestasi ditakrifkan sebagai kaedah memerlukan pelajar untuk menunjukkan kemampuan mereka secara langsung menggunakan hasil kerja pelajar dalam aktiviti tertentu.
- Penilaian prestasi tertumpu kepada kebolehan pelajar untuk menerapkan pengetahuan, kemahiran, dan pertimbangan dalam realistik tidak jelas konteks.
- Pelajar menunjukkan kesungguhan dalam penyelesaian tugas memerlukan pelbagai langkah dan masa.

PENTAKSIRAN ALTERNATIF: PORTFOLIO & DLL`

- Penilaian portfolio ditakrifkan sebagai kaedah penghasilan karya pelajar berbentuk proses dan akhirnya memperoleh produk. Menghasilkan portfolio secara elektronik amat digalakkan.
- Kuiz dalam talian, e-permainan (gamification) dan aktiviti soal jawab semasa kelas dalam talian.
- Kuiz dalam talian menggunakan konsep sama seperti kuiz semasa pembelajaran bersemuka. Bezanya pelaksanaan kuiz dijalankan dalam talian. Bentuk kuiz boleh dijalankan secara ujian subjektif atau ujian objektif.

PENTAKSIRAN ALTERNATIF : OBJEKTIF

Ujian objektif boleh dijalankan dalam 4 bentuk:

1. Pertama, bentuk ujian benar salah. Ujian benar salah terdapat kenyataan perlu ditentukan kebenarannya.
2. Kedua, multiple choice test ialah ujian memerlukan jawapan dipilih daripada pilihan jawapan diberikan.
3. Ketiga, ujian padan suai, iaitu satu pernyataan perlu dipadankan dengan pilihan jawapan sesuai.
4. Keempat, ujian isi tempat kosong. Soalan berbentuk ayat tidak lengkap. Jawapan tepat perlu dipilih untuk diisi dalam tempat kosong untuk melengkapkan ayat diberi.

PENTAKSIRAN ALTERNATIF: MODUL

- Guru mengambil inisiatif membina sendiri modul dalam bentuk hardcopy. Modul ini mengandungi aktiviti relevan dengan topik tertentu. Pelajar disaran menggunakan pengalaman sendiri bagi menyelesaikan tugas diberikan.
- Modul pembelajaran ini diedarkan kepada pelajar berdasarkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) ditetapkan. Pentaksiran dalam modul dapat mengukur penguasaan pelajar. Pelajar perlu menyerahkan hasil tugas untuk disemak atau ditaksir secara serahan tangan atau melalui medium Whatsapp atau Telegram.
- Pentaksiran kendiri terdiri daripada pelajar memberi ulasan hasil kerja atau prestasi mereka sendiri menggunakan helaian pentaksiran kendiri.
- Pentaksiran kendiri juga boleh dijalankan melalui sesama rakan sebaya yang dikenali dengan pentaksiran rakan sebaya. Pentaksiran rakan sebaya dinilai menggunakan instrumen pentaksiran rakan sebaya.

PENTAKSIRAN ALTERNATIF : PEPERIKSAAN/UJIAN

- Laksanakan peperiksaan @ ujian dalam talian menggunakan Google Classroom & portfolio elektronik.
- Laksanakan Pentaksiran Secara Proses(PSP), guru perlu
 1. memberi tajuk kepada murid.
 2. membimbing murid untuk mengenal pasti kaedah menyiapkan projek yang diberikan.
 3. membimbing murid untuk mengenal pasti bahan, peralatan dan kos diperlukan.
 4. menentukan jangka masa menyiapkan projek.
 5. membimbing murid menyelesaikan projek.
 6. meminta murid membentangkan hasil projek.
 7. meminta murid membuat refleksi tentang proses penghasilan projek.

PERANAN GURU

- Susun semula RPT berdasarkan DSKP dan takwim persekolahan yang berkuat kuasa;
- Merancang RPH berdasarkan RPT yang telah disusun dan jadual waktu PdPR supaya kandungan kurikulum dapat disampaikan secara optimum;
- Menentukan kaedah penyampaian yang fleksibel mengikut situasi semasa dengan mengambil kira sumber yang ada pada murid;
- Menyediakan bahan yang mudah didapati, diakses dan bersesuaian dengan kaedah PdPR yang digunakan;
- Memastikan murid mendapat tugas/latihan yang dirancang oleh guru;
- Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti kuiz, tugas/ latihan dan projek untuk menentukan pencapaian murid;
- Mengadakan perbincangan dengan ibu bapa/ penjaga untuk menyokong pembelajaran murid di rumah; dan
- Merekodkan pelibatan murid dalam PdPR menggunakan kaedah yang bersesuaian.

PERANAN PENTADBIR

- Memastikan perancangan dan pengurusan PdPR dilaksanakan dengan teliti, cekap dan berkesan untuk mengelakkan pertindanan masa antara mata pelajaran dan lambakan tugas/latihan kepada murid;
- Mengatur jadual pembelajaran yang fleksibel bagi menguruskan aktiviti PdPR yang berkesan; dan
- Memantau PdPR yang dijalankan dan memberikan sokongan yang bersesuaian kepada guru.

PERANAN IBU BAPA

- Menyokong pembelajaran anak/ anak jagaan
- Membantu anak/anak jagaan mendapat maklumat berkaitan sesi PdPR ataupun arahan/tugasan/kerja rumah yang diberikan guru.
- Membantu anak/ anak jagaan seperti mengakses internet, TV Pendidikan, EduwebTV (koleksi video), utube dan sebagainya.

PENUTUP

Garis Panduan PdPR ini merupakan langkah bagaimana melaksanakan PdPR secara berstruktur dan terancang supaya murid dapat mengikuti PdPR secara optimum. Kejayaan PdPR murid memerlukan sokongan semua pihak iaitu YTP Negeri, sekolah, BAKA, guru, ibu bapa/penjaga dan komuniti.

PEDULI PALESTINE

BAITULMAQDIS, 15 JUN 2021 - Episod keganasan dan kekejaman Zionis Israel ke atas Palestine tidak akan pernah berakhir. Perang antara kedua pihak pada akhir Ramadhan 1424 bermula apabila tentera Israel menyerang penduduk Palestine yang sedang menunaikan solat tarawikh di masjidil Aqsa, kemudiannya merebak ke perkampungan Syeh Jarrah. Tindakan yang dilakukan Israel terhadap Palestine adalah jenayah perang yang semakin memburukkan keadaan di Gaza. Serangan balas tentera Hamas dengan kekuatan senjata di luar jangkaan Israel beserta strategi yang diturunkan dengan melepaskan ratusan roket serentak, telah memaksa rejim zionis Israel menerima pelan damai melalui gencatan senjata. Namun, gencatan senjata demi gencatan hanya tinggal janji yang tidak pernah dipatuhi. Terbaru semasa mengakhiri bulan Syawal 1442, seorang remaja Palestine bernama Muhammad Said Hamayel (15), mati dibunuh tentera Israel di Beita, Selatan Nablus semasa tempoh gencatan senjata. Semasa kejadian, tentera Israel membantai puluhan penduduk dengan tembakan gas pemedih mata dan menembak menggunakan peluru hidup dan peluru getah. Berita ini dilaporkan oleh Wafa, agensi berita resmi Palestin. Pembunuhan Muhammad Said Hamayel telah menyemarakkan semula kemarahan penduduk Palestine yang sememangnya sudah memendam rasa sejak lebih 60 tahun.

Zionis Israel adalah bangsa Yahudi yang paling tidak boleh dipercayai di dunia. Jika berjanji mereka akan memungkirinya, jika mendapat tanah mereka akan merampasnya. "Bangsa pendatang yang menagih bantuan pada 1948 sehinggalah menjadi 'raja' di tanah milik penduduk Palestine apabila mereka mengasaskan negara haram Israel".

Banyak lagi keganasan dan pelanggaran hak asasi manusia dilakukan rejim Zionis Israel. Sudah ramai pejuang kebebasan Palastine, wartawan dan orang awam yang gugur syahid dan terkorban. Tidak terkira penduduk yang cedera, cacat kekal kerana kekejaman tentera Israel, banyak kampung dan rumah penduduk yang dimusnahkan, malah tidak kurang harta dan tanah penduduk Palestine yang dirampas Israel.

Pada 27 Mei 2021 yang lalu, mesyuarat khas kali ke-30 Majlis Hak Asasi Manusia terhadap masalah hak asasi yang serious di Wilayah Palestine diduduki penjajah zionis Israel termasuk Jurusalem Timur melalui Resolusi No A/HRC/RES/S-30/1 telah meluluskan ketetapan antara lain;

- Untuk menubuhkan suruhanjaya bebas antarabangsa bagi menyiasat semua dakwaan pelanggaran undang-undang kemanusiaan antarabangsa, pelanggaran dan penyalahgunaan hak asasi manusia bermula 13 April 2021 termasuklah sebarang diskriminasi secara sistematis tekanan, kekejaman terhadap warga Palestine, ethnik, ras dan identiti agama.
- Mendesak semua pihak berkaitan memberi kerjasama dengan suruhanjaya siasatan tersebut dan memberi akses sewajarnya.
- Mendesak semua negara mengelak daripada menyalurkan senjata agar tidak mendatangkan sebarang risiko senjata itu boleh digunakan bagi pelanggaran hak asasi manusia.

Kerajaan Malaysia dan masyarakat antarabangsa perlu bangkit dan terus melakukan pembelaan mempertahankan saudara seagama dan sesama insan di negara Palestine. Kesedaran masyarakat dunia kali ini menampakkan dokongan yang meluas terutama selepas media sosial terlepas kongkongan oleh negara zionis Israel.

Kerajaan Malaysia dan ABIM telah dikenali dalam kalangan masyarakat antarabangsa telah memberikan sokongan dominan sejak sekian lama. ABIM secara bersendirian telah menubuhkan Global Peace Mission Malaysia pada 2011; berperanan mengumpul dana melalui kempen secara besar-besaran dan menyalurkan bantuan kemanusiaan terus kepada penduduk Palestine.

Penggantian perdana menteri Israel dari Benjamin Netanyahu kepada Naftali Bennett baru-baru ini, tidak menjanjikan keselesaan dan penyelesaian ketegangan hubungan Isrel-Palestine dalam tempoh terdekat. Kerajaan gabungan pimpinan Bennett telah berjanji mengekalkan dasar kontroversi kepimpinan terdahulu. Ini bererti kerajaan baharu Israel dijangka meneruskan agenda menindas penduduk Palestine. Justeru, masyarakat dunia yang prihatin terhadap perjuangan rakyat Palestine dalam mempertahankan negara merdekaanya perlu meneruskan sokongan padu baik dalam bentuk bantuan moral maupun kewangan.



Laporan : Khailani A. Jalil

PEDULI PALESTINE

Batu, 19 Mei 2021

Komentar

11

Kuasa media sosial dedah propaganda Yahudi di Palestin

Oleh Ahmad Azam Ab Rahman
bhurcama@bh.com.my



Timbalan
Setiausaha Agung,
Kesatuan NGO
Dunia Islam (UNWD)
berpusat di Istanbul,
Turki

Dunia mengakui kelebihan kuasa media sosial memerlukan mesyayir media amarabangsa yang sebelum ini menjalani tugas propaganda Zionis Yahudi.

Walauipun berbilangan ringgit dibelanjakan untuk membina naratif dan imej Israel di kalangan amarabangsa - dengan menggunakan ratusan wartawan dan profesor universiti - nampaknya semasa itu terus berjaya semangat anak muda dan orang ramai yang berterusan membentuk ahlirodat berteradum kelebihan sejagat.

Walauipun dunia masih dibelenggu pandemik, penggiliran kecemasan akan situasi dunia berdemostrasi di jalan, menizahkan seluruh dunia.

Seri demonstrasi jolman ini bukan sahaja disohut negara Persekutuan Kerjasama Islam (OIC), bahkan kepada di hantui utama negara Barat, seperti New York dan Madrid.

Artikel apresi berita berat kepada Israel juga tidak

pelaporni situasi konflik secara langsung oleh warganet internet memberi kesedaran kepada majoriti dunia. Selepas sekian lama berita dunia dimunculkan muztikinya oleh media Barat yang dikurniakan pengaruh Israel, kini ia dilapekkan platform diliputi mereka sendiri - kuasa internet dan media sosial.

Itu indikasi jelas masa depan Israel dan kejadianya akan berakhir dan perjuangan gerakan pembebasan rakyat Palestin dipelopori Hamas akan memburukkan hasilnya.

Namun, jangan masa kekehancuran bergantung kepada dunia Islam dan OIC, sama ada mereka masih lagi tumbuh lelu atau akan hinggi.

Pembangunan mutu diri ini juga tajam survival bagi OIC sendiri, kerana usul pemuliharaan OIC sebagai Hislop dunia Islam berhadap pindahkuasa Masjidil Aqsa pada 1969.

Namun kali ini, Masjidil Aqsa diceroboh lagi pusaka askar legi yang melakukan serangan langsung dan melincirkan bom pemusnah mata terhadap mereka yang sedang sotek, pada Ramadhan, di tempat ketiga suci di sisi Islam.

Tidak aduan untuk umat heridam diri dan berpuas hati dengan kekejaman berteruam. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tandas suara

oleh kerana resolusi diri resolusi menggredam kekejaman Israel tersusut Amerika Syarikat (AS) dan ditukar.


Kita tidak boleh lagi mengharapkan PBB. Apakah keranya mengacaukan kreditabilitas, jika tidak disusuli tindakan bagi mengelung keadaan itu?

Ketika itu lah OIC harus bertindak proaktif dan berusaha mengantarkan pengamanan ke Gaza dan Tehring Barat, atas mandat OIC, tanpa mempermalukan negara yang gagal setama 18 tahun lamanya.

Seandainya OIC masih gagal bertindak, matali lagi mengharapkan resolusi pada sidang yang sudah kehilangan makna, sewajarnya beberapa negara yang progresif dan negar dalam bidang islam seperti Turki, Qatar, Malaysia, Pakistan, Indonesia maupun Iran, menghantar pasukan pengamanan ke Gaza dan Tehring Barat, dalam kitaran segera.

Omar Islam tidak boleh membiarkan rakyat Palestina mempertahankan ksejaman Masjidil Aqsa sendirian. Dengan gambaran kekejaman Israel ke tahap-mekampak, humu tindakan bermitigasi bantuan pasukan keamanan langsung padas praktikal dan fermuriah bagi menyikat kekejaman Israel.

Kita yakin dunia akan mendakwa mata dan kelebihan Israel akan berakhir dalam masa selesaik.



Penduduk Palestine mengusung jenazah Muhammad Said Hamayel (15), yang menjadi mangsa kekejaman zionis Israel

PENDIDIKAN KOMPETENSI AL-HIKMAH



Pendidikan kompetensi Al-Hikmah adalah pendidikan karakter berdasarkan nilai, di mana ia berpaksi kepada 9 kompetensi karakter yang dibawa ke arah kemenjadian murid seperti yang diaspirasikan di dalam Falsafah Pendidikan Al-Hikmah. Matlamat akhir adalah terbinanya insan mukmin yang berilmu, berhikmah, berketrampilan, beriltizam dengan nilai salih, bertanggungjawab sebagai hamba Allah dan khalifah Allah dengan peribandi terpadu dan seimbang. Kompetensi Al-Hikmah di sini merujuk kepada pengetahuan, kemahiran, nilai dan ciri yang perlu bagi memastikan kemenjadian karakter dapat terlaksana. 9 kompetensi Al-Hikmah ini adalah Ilmu & Kemahiran, Budaya Al-Quran, Kepimpinan, Istiqamah dan Iltizam, Adab dan Bakti dan Lestari dan juga pembinaan kompetensi karakter yang diaktualisasikan di peringkat komuniti – Budi, melalui harakah Islamiyah – Harakiy dan di peringkat ummah – Ummatik. Nilai-nilai Al-Hikmah daripada Surah Luqman membina asas kepada Pendidikan Al-Hikmah.

Kompetensi Al-Hikmah : ILMU DAN KEMAHIRAN

Dimensi bagi kompetensi Al-Hikmah Ilmu & Kemahiran ialah kesepaduan ilmu, berhikmah, fikr zikr dan ilmu & amal. Ini merupakan kompetensi yang perlu dibina ke arah kemenjadian karakter ulul-albab, iaitu orang yang berakal, berilmu dan berhikmah, yang memiliki ketajaman perenungan dan kefahaman yang mendalam, dan memiliki keupayaan daya renung yang tepat dan mendalam yang membawa ia kepada pengesaan Allah. Ia boleh menghubungkaitkan ilmu kpd kerelevan, aplikasi, tujuan dalam membina diri dalam konteks amal salih.

Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas perlu berlaku dalam mod kesepaduan ilmu. Kesepaduan secara khususnya dalam naqli aqli, kesepaduan ilmu kepada amal dalam amal praktis dan amalan dalam kehidupan, kesepaduan khususnya nilai tauhidik di dalam nilai Al-Hikmah Luqmani dalam menggabungjalinkan nilai dengan pengetahuan dan kemahiran di dalam pengajaran dan pembelajaran, serta kesepaduan kesatuan dalam disiplin ilmu, khususnya ilmu akademik dan ilmu diniyah. Ini boleh berlaku secara eksplisit dalam pengajaran dan pembelajaran kelas dan secara implisit di dalam aktiviti kokurikulum.

Elemen PAK21 dalam pembelajaran bermakna diangkat secara terpadu dengan penyuburan iman dalam dimensi fikr zikr . Ini bermaksud sentiasa ingat Allah dan hadir hati dalam ketaatan. Pentarbiyan ilmu perlu ada tazkinatunnaffs agar ada usur hidayah dan keberkatan dalam ilmu yang akan membawa kepada kebenaran hakiki dan hikmah. Ilmu dan amal adalah aspek amal praktis dalam pengajaran dan pembelajaran yang dinamik dan relevan dalam mengangkat tindakan, amalan dan penghayatan kepada tuntutan ilmu dalam membina generasi khayra ummah .

Dengan ini baru tercapai hasrat pembentuk sahsiah dan karakter kesalihan yang terpadu dan seimbang, iaitu berilmu dan berkemahiran berfikiran tinggi, kritis, kreatif, inovatif dan beramal salih. Matlamat akhir pendidikan adalah untuk membawa mengenali Pencipta, membuaikan ketaatan, mengambil manfaat daripada ilmu, bertanggungjawab dalam mengurus diri, insan dan alam sebagai khalifah Allah dalam konteks kesyukuran dan ketaatan.

Kejayaan dalam pembinaan kompetensi Al-Hikmah ini bergantung kepada keupayaan guru untuk melaksanakan kesepaduan ilmu di dalam pengajaran dan pembelajaran, yang bersifat action-oriented dalam mod penyelesaian masalah dengan pedagogi yang inovatif.

Sedutan Buku Kompetensi Al Hikmah; Pendidikan Karakter Berasaskan Nilai, 2020- Rohana Kamaruddin

